



Tingkah laku keprihatinan ibu terhadap anak Autisme

Dayang Dayana Abg Abd Nasir, Aliza Alias
Universiti Kebangsaan Malaysia

Article Info

Received:

28 February 2020

Accepted:

24 March 2020

Publish

06 April 2020

E-mail adress:

*corresponding Author:
dayana_0307@yahoo.com

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Autisme merupakan satu keadaan kecelaruan perkembangan yang tidak kelihatan pada fizikal kanak-kanak, tetapi boleh dilihat melalui komunikasi sosial dan tingkah laku kanak-kanak. Keadaan yang tidak dapat dilihat secara jelas ini memerlukan keprihatinan ibu untuk menyedari akan kelainan perkembangan pada anak agar ibu boleh mengambil tindakan selanjutnya bagi membantu meningkatkan perkembangan anak. Kertas kerja ini membincangkan tingkah laku keprihatinan ibu terhadap anak autisme di Sarawak. Kajian kualitatif ini telah menemu bual 3 ibu di Kuching, Sarawak yang mempunyai anak yang telah disahkan autisme. Kajian ini mendapati 7 tema tingkah laku keprihatinan ibu berdasarkan model Concerns-Based Adoption Model (CBAM), iaitu orientasi, persediaan, mekanikal, rutin, penambahbaikan, integrasi, pembaharuan. Orientasi ialah ibu menyedari kelainan pada anak dan berusaha mencari pengetahuan tentang kelainan tersebut. Persediaan ialah ibu menyediakan rancangan untuk membantu anak. Mekanikal pula ibu menggunakan rancangan yang disediakan. Rutin pula rancangan yang dilaksanakan dijadikan rutin harian. Penambahbaikan ialah penambahbaikan dilakukan dalam rancangan bagi meningkatkan pencapaian anak. Integrasi ialah ibu berkolaborasi dengan pelbagai pihak dalam menyediakan intervensi untuk anak. Pembaharuan pula ibu bertindak mencari alternatif kepada sesi intervensi atau terapi sedia ada. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga ibu telah melalui semua peringkat keprihatinan dalam model CBAM dan sedang berada di peringkat keprihatinan yang tertinggi. Namun begitu, usaha untuk menyebarkan maklumat mengenai perkembangan kanak-kanak, autisme dan kepentingan intervensi awal perlu diteruskan oleh pelbagai pihak memandangkan pengetahuan memainkan peranan utama dalam peringkat awal keprihatinan. Semoga dengan pengetahuan yang lebih mudah untuk diperolehi, diharapkan agar lebih ramai ibu akan lebih prihatin akan perkembangan anak dan seterusnya bertindak mengikut keperluan anak seperti membawa anak untuk mendapatkan diagnosis dan perkhidmatan pendidikan khas bagi membantu perkembangan anak mereka.

Keyword: Tingkah laku keprihatinan, Keprihatinan Ibu, Autisme

1.0 PENGENALAN

Autisme merupakan satu keadaan kecelaruan perkembangan neurologi yang ada disenaraikan dalam Diagnostic & Statistical Manual of Mental Disorder, Fifth Edition (DSM-V). Ciri-ciri Autisme yang disenaraikan dalam DSM 5.0 (2013) ialah, tidak atau kurang mampu dari segi kemahiran komunikasi sosial dan interaksi sosial dalam pelbagai konteks, serta mempunyai tingkah laku, minat dan aktiviti yang terhad dan berulang ulang. Kajian di Malaysia melalui Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2016 menganggarkan bahawa 1.875 daripada 1000 orang kanak-kanak berumur 18 bulan hingga 3 tahun pada tahun 2016 telah menerima diagnosis autisme berbanding 1.6 daripada 1000 pada tahun 2005 (Aminah & Noor 2019).

Ibu boleh mengesan ciri-ciri autisme pada kanak-kanak dengan memantau perkembangan sosial, komunikasi, dan tingkah laku anak dan membandingkan perkembangan anak dengan kanak-kanak seusia mereka (Shivers et al. 2018; Dababnah et al. 2018). Ciri-ciri autisme boleh dilihat seawal usia 18 bulan. Malah ujian saringan pertama autisme telah dimasukkan dalam buku rekod kesihatan kanak-kanak dan telah dijadualkan untuk dilakukan pada umur kanak-kanak 18 bulan dan 3 tahun (Aminah & Noor 2019; Ibanez et al. 2019; Siti Marziah & Nor Shahirah 2018). Keadaan yang tidak dapat dilihat melalui fizikal ini memerlukan keprihatinan ibu untuk menyedari akan kelainan perkembangan pada anak agar ibu boleh mengambil tindakan selanjutnya bagi membantu meningkatkan perkembangan anak.

Autisme semakin dikenali di Malaysia dengan banyaknya pendedahan melalui pelbagai medium seperti media sosial atau program-program di tempat-tempat awam. Program kesedaran Autisme juga dilaksanakan oleh banyak pihak terutamanya pada bulan April yang merupakan Bulan Kesedaran Autisme Sedunia, dan 2 April pada setiap tahun merupakan Hari Kesedaran Autisme Sedunia. Seharusnya, berpandukan pelbagai maklumat daripada pelbagai sumber inilah, ibu bapa dapat mengetahui keadaan anak dan membawa anak untuk mendapatkan saringan, diagnosis dan seterusnya memulakan intervensi dengan segera (Bright et al. 2017; Adler et al. 2015; MaHTAS, 2014).

Intervensi awal merangkumi pelbagai perkhidmatan, program, sokongan, yang disediakan bagi meningkatkan perkembangan awal kanak-kanak berkeperluan khas serta bagi membantu keluarga mereka seperti terapi pertuturan dan bahasa, terapi cara kerja, dan pengurusan tingkah laku (Shivers, Sonnier-Netto, & Lee 2018; Smith & Rous 2011). Kanak-kanak berkeperluan khas yang mempunyai peluang untuk mendapat program pendidikan awal serta intervensi awal yang berkualiti lebih boleh berkembang dengan baik dari dalam pelbagai domain perkembangan seperti motor, adaptif, kognitif, komunikasi, sosial, emosi, tingkah laku, sensori, agama ataupun moral, malah cenderung untuk berjaya dalam akademik (Burke et al. 2018; Walker 2011).

Ibu menunjukkan perubahan tingkah laku, yang menunjukkan nilai keprihatinan apabila ibu mula bertindak setelah menyedari kelainan pada perkembangan anak, mencari pengetahuan mengenai autisme, membawa anak untuk penilaian perkembangan dan mendapatkan diagnosis, serta memulakan intervensi awal. Tingkah laku keprihatinan ini boleh dilihat melalui 7 tingkah laku keprihatinan yang disenaraikan dalam Concerns-Based Adoption Model (CBAM) yang terdiri daripada orientasi, persediaan, mekanikal, rutin, penambahbaikan, integrasi, dan pembaharuan (Hall, George & Rutherford 1979 dalam Zaifuddin 2016; Hord, Rutherford, Huling-Austin & Hall 1987).

Orientasi merupakan tingkah laku ibu mencari maklumat mengenai autisme daripada pelbagai sumber seperti internet dan ahli profesional (Rivard et al. 2019; Hurt et al. 2019). Maklumat yang diperoleh dijadikan sebagai panduan dalam tingkah laku persediaan iaitu merancang temu janji bersama ahli profesional untuk mendapatkan penilaian dan diagnosis autisme (Rabba et al. 2019; Mahapatra et al. 2019). Seterusnya, tingkah laku rutin ibu mula berubah setelah anak disahkan autisme kerana perlu meluangkan masa untuk menghantar anak mendapatkan intervensi awal dan juga melakukan aktiviti rangsangan perkembangan anak di rumah (Lloyd et al. 2019; Siti Marziah & Nor Shahirah 2018). Intervensi awal untuk anak autisme ini merupakan hasil tingkah laku integrasi ibu yang telah melibatkan diri dalam perbincangan bersama ahli profesional pelbagai disiplin (Crane et al. 2019; Ahlers et al. 2019). Di samping itu, tingkah laku penambahbaikan dan pembaharuan dalam intervensi anak perlu dilakukan dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan anak autisme dalam pelbagai domain perkembangan seiring dengan usia anak yang semakin meningkat (Hasnah 2017; Huus et al. 2016; Hsu et al. 2015).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Autisme boleh dilihat sejak umur 18 bulan. Namun begitu, masih ada ibu yang tidak menyedari bahawa anak mereka tidak menunjukkan perkembangan yang normal sehingga anak berumur 3 tahun dan ke atas (Gutierrez-Ruiz 2019; Becerra-Culqui et al. 2018; Mattern 2014). Hal ini kerana, ibu tidak mempunyai pengetahuan mengenai autisme.

Biarpun sudah berusaha mencari maklumat di internet, malah di media sosial, serta bertanya pada ahli profesional, ibu merasakan maklumat yang mereka peroleh masih tidak mencukupi bagi membantu anak mereka (Ferguson & Vigil 2019; Hurt et al. 2019; Lloyd et al. 2019; Gobrial 2018; Ilknur 2018; Rabbitte et al. 2017). Disebabkan kekurangan maklumat itulah, ibu tidak bertindak atau mengambil pendekatan tunggu dan lihat terlebih dahulu.

Ibu hanya menunggu pemeriksaan kesihatan kanak-kanak yang telah dijadualkan secara berkala oleh pihak klinik kesihatan, yang menyebabkan ibu tidak bertindak dengan segera walaupun sudah menyedari perkembangan anak yang tidak seperti kanak-kanak tipikal (Sheldrick et al. 2019). Justeru, seseorang ibu boleh dikategorikan sebagai tidak prihatin apabila tidak mengambil tahu dan tidak bertindak setelah melihat kelainan pada perkembangan anak (Mohd Reduan, Mohd Mokhtar & Norlena 2018; Sharifah Fatin Zulaikha & Ruhizan 2017; Zaifuddin 2016).

3.0 METODOLOGI

Kajian kualitatif ini telah menemu bual 3 ibu di Kuching, Sarawak yang mempunyai anak yang telah disahkan autisme. Kesemua ibu berusia dalam umur 30-40 tahun. Ibu A mempunyai anak autisme berumur 7 tahun, yang telah mendapat diagnosis pada umur 6 tahun. Manakala Ibu B mempunyai anak berumur 8 tahun yang telah disahkan autisme pada umur 3 tahun. Ibu C juga mempunyai anak berumur 8 tahun yang mendapat diagnosis GDD pada umur 5 tahun dan autisme pada umur 6 tahun.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian ini mendapati 7 tema tingkah laku keprihatinan ibu berdasarkan model *Concerns-Based Adoption Model* (CBAM), iaitu orientasi, persediaan, mekanikal, rutin, penambahbaikan, integrasi, dan pembaharuan. Tingkah laku pertama ialah orientasi, iaitu ibu menyedari kelainan pada anak dan berusaha mencari pengetahuan tentang kelainan tersebut. Ibu A dan Ibu C menyatakan bahawa mereka menyedari kelainan pada perkembangan anak ketika umur anak mereka 3 tahun lebih, manakala Ibu B menyatakan bahawa dia menyedari kelainan kelainan pada perkembangan anak ketika umur anaknya hampir 3 tahun, atau 2 tahun lebih. Ibu A menambah bahawa, ketika anaknya berada di tadika, cikgu memaklumkan kepadanya tentang perkembangan anak yang agak lambat. Ketiga-tiga ibu menjelaskan bahawa mereka mencari maklumat setelah menyedari kelainan pada anak mereka.

Tingkah laku kedua ialah persediaan, iaitu ibu menyediakan rancangan untuk membantu anak. Tingkah laku ketiga ialah mekanikal, iaitu ibu menggunakan rancangan yang disediakan. Ketiga-tiga ibu juga mengatakan, hasil daripada maklumat yang diperoleh daripada sumber seperti internet dan media sosial digunakan bagi menyediakan rancangan seperti memikirkan tarikh temu janji dengan pakar bagi mendapatkan penilaian anak dan seterusnya memenuhi temu janji tersebut.

Tingkah laku keempat ialah rutin, iaitu rancangan yang dilaksanakan dijadikan rutin harian. Setelah anak disahkan autisme, ketiga-tiga ibu menyatakan bahawa mereka turut merancang tentang intervensi awal untuk anak dan sedaya-upaya memenuhi sesi tetapi yang dijadualkan. Oleh sebab itulah, rutin harian keluarga mereka juga berubah tidak seperti sebelumnya, tetapi turut diselang-selikan dengan menghantar anak ke tempat terapi atau pusat intervensi awal (EIP).

Tingkah laku kelima ialah penambahbaikan, iaitu penambahbaikan dilakukan dalam rancangan bagi meningkatkan pencapaian anak. Tingkah laku keenam ialah integrasi, iaitu ibu berkolaborasi dengan pelbagai pihak dalam menyediakan intervensi untuk anak. Kesemua ibu mengakui bahawa ahli terapi menasihati mereka supaya turut membuat aktiviti berasaskan terapi di rumah dan tidak hanya menunggu sesi terapi di hospital atau pusat intervensi sahaja. Oleh itu, kesemua ibu menyatakan bahawa penambahbaikan aktiviti harian di dalam rumah turut dilakukan bagi membantu perkembangan anak autisme mereka berpandukan aktiviti yang dicadangkan, hasil perbincangan dengan ahli terapi anak mereka.

Tingkah laku ketujuh ialah pembaharuan, iaitu ibu bertindak mencari alternatif kepada sesi intervensi atau terapi sedia ada. Ketiga-tiga ibu menjelaskan bahawa mereka sentiasa cuba mencari intervensi bagi membantu anak, dan mengaplikasikan setiap ilmu yang diperoleh daripada bengkel-bengkel yang mereka hadiri dari semasa ke semasa. Malah, sekiranya berkemampuan, ibu A, B dan C menyatakan mereka cuba menghantar anak untuk mendapatkan terapi tambahan di pusat intervensi swasta dan tidak hanya mengharap terapi di hospital dan klinik kerajaan sahaja.

5.0 PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga ibu telah melalui semua peringkat tingkah laku keprihatinan dalam model CBAM dan sedang berada di peringkat keprihatinan yang **tertinggi**. Selaras dengan dapatan Zaifudin (2016) dan Mohd Reduan, Mohd Mokhtar & Norlena (2018), yang menyatakan bahawa keprihatinan merupakan tingkah laku yang bermula dari elemen peka atau sedar akan perkembangan anak yang seterusnya mendorong ibu untuk bertindak dan menjalani perubahan demi kebaikan anak. Dalam situasi ini, ibu yang telah menyedari ciri-ciri autisme pada anak, membawa anak untuk pemeriksaan perkembangan sehinggalah mendapat pengesahan autisme dan selanjutnya memulakan intervensi awal untuk anak (Rabba et al. 2019; Mohd Reduan, Mohd Mokhtar & Norlena 2018; Boshoff et al. 2018; Zaifudin 2016).

Di samping itu, tingkah laku pertama keprihatinan iaitu orientasi yang merupakan tingkah laku ibu mencari maklumat telah menunjukkan bahawa pentingnya pengetahuan dalam merancang sesuatu tindakan ke arah perubahan. Justeru, bukan hanya ibu yang perlu proaktif dalam mencari informasi, tetapi pelbagai pihak terutamanya ahli profesional juga perlu aktif dalam menyampaikan maklumat menerusi pelbagai saluran yang mudah dicapai, dan maklumat dalam gaya bahasa yang mudah difahami oleh orang awam (Rivard et al. 2019; Mahapatra et al. 2019; Sharifah Fatim Zulaikha & Ruhizan 2017). Tambahan pula, apabila ibu lebih cepat mendapat maklumat yang diperlukan, lebih cepat ibu membawa anak untuk mendapatkan diagnosis, dan lebih awal pelan intervensi awal boleh dirancang sesuai dengan diagnosis yang diberikan bagi membantu perkembangan anak dengan keupayaan yang optimum (Rabba et al. 2019; Boshoff et al. 2018; Rabbitte et al. 2017).

Perancangan intervensi awal serta aktiviti berasaskan terapi untuk dilakukan di rumah, yang melibatkan interaksi, kolaborasi, serta perbincangan secara dua hala antara ibu dan ahli profesional merupakan satu situasi yang selaras dengan tingkah laku keenam keprihatinan iaitu integrasi (Crane et al. 2019; Mohd Reduan, Mohd Mokhtar & Norlena 2018; Zaifudin 2016). Malah, ahli profesional yang terdiri daripada jurupulih cara kerja, jurupulih pertuturan dan bahasa serta pakar psikologi memberi bimbingan berpandukan 'amalan berasaskan bukti' agar ibu boleh bertindak secara rasional memandangkan ada kalanya mereka merasakan terdesak untuk mencuba segala alternatif yang ada bagi membantu anak walaupun tidak ada bukti saintifik yang menyatakan keberkesanan kaedah-kaedah alternatif tersebut (Lloyd et al. 2019; Hasnah 2017; Salmiah & Fadliana 2015).

6.0 KESIMPULAN

Keprihatinan ibu merupakan satu tingkah laku yang memberi kesan yang besar ke atas perkembangan kanak-kanak autisme. Justeru, semua pihak perlu memainkan tanggungjawab masing-masing dalam menyebarkan maklumat, memberikan perkhidmatan, serta sokongan yang diperlukan oleh ibu agar lebih ramai ibu yang prihatin akan perkembangan anak serta bertindak proaktif mengikut keperluan anak mereka supaya dapat berkembang dengan keupayaan yang optimum.

RUJUKAN

- Adler, K. et al. (2015). An Integrated Literature Review of the Knowledge Needs of Parents with Children with Special Health Care Needs and of Instruments to Assess These Needs. *Infants & Young Children*. 28(1): 46–71.
- Ahlers, K., Gabrielsen, T. P., Ellzey, A., Brady, A., Litchford, A., Fox, J., ... Carbone, P. S. 2019. A Pilot Project Using Pediatricians as Initial Diagnosticians in Multidisciplinary Autism Evaluations for Young Children. *Journal of Developmental & Behavioral Pediatrics*, 1.
- Aminah Bee Mohd Kassim & Noor Hassline Mohamed. (2019). The Global Prevalence and Diagnosis of Autism Spectrum Disorder (ASD) Among Young Children. *Southeast Asia Psychology Journal*. 7:26-45.
- Becerra-Culqui, T.A. et al. (2018). Parental First Concerns and Timing of Autism Spectrum Disorder Diagnosis. *Journal of Autism and Developmental Disorders*.
- Bright, N. et al. (2017). Families' experiences of raising concerns in health care services: An interpretative phenomenological analysis. *Journal of Applied Research in Intellectual Disabilities*. 31(3): 405–412.
- Boshoff, K., Gibbs, D., Phillips, R. L., Wiles, L., & Porter, L. (2016). Parents' voices: "why and how we advocate". A meta-synthesis of parents' experiences of advocating for their child with autism spectrum disorder. *Child: Care, Health and Development*, 42(6), 784–797.
- Burke, M.M. et al. (2018). Examining differences in empowerment, special education knowledge, and family–school partnerships among Latino and White families of children with autism spectrum disorder. *International Journal of Developmental Disabilities*. 1–7.
- Crane, L., Jones, L., Prosser, R., Taghrizi, M., & Pellicano, E. 2019. Parents' views and experiences of talking about autism with their children. *Autism*.
- Dababnah, S., Shaia, W.E., Champion, K. & Nichols, H.M. (2018). "We had to keep pushing": Caregivers' perspectives on autism screening and referral practices of black children in primary care. *Intellectual and Developmental Disabilities*. 56(5): 321-336.
- Diagnostic criteria for Autism Spectrum Disorder (2013). *Diagnostic Statistical Manual of Mental Disorders* 5th ed. Washington, DC.
- Ferguson, A., & Vigil, D. C. (2019). A comparison of the ASD experience of low- SES Hispanic and non- Hispanic white parents. *Autism Research*.
- Gobrial, E. (2018). The Lived Experiences of Mothers of Children with the Autism Spectrum Disorders in Egypt. *Social Sciences*, 7(8), 133.
- Gutierrez-Ruiz, K.P. (2019). Early characteristics and predictors of clinical severity in Autism Spectrum Disorder. *Psicol*. 12(2).
- Hasnah Toran. (2017). *Autisme Panduan Ibu Bapa*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ryadh.
- Hord, S.M., Rutherford, W.L, Huling-Austin, L. & Hall, G.E. (1987). *From Taking Charge of Change*. Association for Supervision and Curriculum Development.
- Hsu, Y.-C., Tsai, S.-L., Hsieh, M.-H., Jenks, M. S., Tsai, C.-H., & Hsu, M.-T. 2015. On My Own: A Qualitative Phenomenological Study of Mothers of Young Children with Autism Spectrum Disorder in Taiwan. *Journal of Applied Research in Intellectual Disabilities*, 30(1), 147–156.
- Hurt, L., Langley, K., North, K.... Williams, S. (2019). Understanding and improving the care pathway for children with autism. *International Journal of Health Care Quality Assurance*. 32 (1): 208-223.
- Huus, K., Olsson, L. M., Elgmark Andersson, E., Granlund, M., & Augustine, L. 2016. Perceived needs among parents of children with a mild intellectual disability in Sweden. *Scandinavian Journal of Disability Research*, 19(4), 307–317.
- Ibanez, L.V., Stoep, A.V, Myers, K., Zhou, C... Stone, W.L. (2019). Promoting early autism detection and intervention in underserved communities: study protocol for a pragmatic trial using a stepped-wedge design. *BMC Psychiatry*. 19(169).

- Ilknur, C.T. (2018). Autism Spectrum Disorder: Experiences of Mothers Before and After Their Children's Diagnosis and Implications for Early Special Education Services. *Journal of Education and Training Studies*. 6(12): 68-81.
- Lloyd, S., Osborne, L.A. & Reed, P. (2019). Personal experiences disclosed by parents of children with Autism Spectrum Disorder: A YouTube analysis. *Research in Autism Spectrum Disorders*. 64: 13-22.
- Mahapatra, P., Pati, S., Sinha, R. Nallala, S. (2019). Parental care-seeking pathway and challenges for autistic spectrum disorders children: A mixed method study from Bhubaneswar, Odisha. *Indian Journal of Psychiatry*. 61(1): 31-44.
- Malaysian Health Technology Assessment Section, MaHTAS. (2014). *Clinical Practice Guidelines: Management of Autism Spectrum Disorder in Children and Adolescents*. Putrajaya.
- Mattern, J.A. (2014). A Mixed-Methods Study of Early Intervention Implementation in the Commonwealth of Pennsylvania: Supports, Services, and Policies for Young Children with Developmental Delays and Disabilities. *Early Childhood Education Journal*.
- Mohd Reduan Daud, Mohd Mokhtar Tahar, Norlena Salamuddin. (2018). Keprihatinan Guru Pendidikan Khas Dalam Pelaksanaan Dskp Kssmpk Berdasarkan Concern Based Adoption Model (CBAM). *Seminar Kebangsaan PDPC Abad ke 21*. 181-187.
- Rabba, A. S., Dissanayake, C., & Barbaro, J. (2019). Parents' experiences of an early autism diagnosis: Insights into their needs. *Research in Autism Spectrum Disorders*, 66, 101415.
- Rabbitte, K., Prendeville, P., Kinsella, W.C. (2017). Parents' experiences of the diagnostic process for girls with autism spectrum disorder in Ireland: An Interpretative Phenomenological Analysis. *Educational and Child Psychology*. 34(2):54-66.
- Rivard, M., Millau, M., Magnan, C., Mello, C., & Boulé, M. (2019). Snakes and Ladders: Barriers and Facilitators Experienced by Immigrant Families when Accessing an Autism Spectrum Disorder Diagnosis. *Journal of Developmental and Physical Disabilities*, 31(4), 519-539.
- Sharifah Fatin Zulaikha Syed Mustapa & Ruhizan Mohd Yasin.(2017). Keprihatinan Ibu Bapa Dalam Pelaksanaan KBAT. *Seminar Kebangsaan Sains dan Psikologi dalam Pendidikan*. 802-808.
- Sheldrick, R.C., Frenette, E., Vera, J.D.... Carter, A.S. (2019). What Drives Detection and Diagnosis of Autism Spectrum Disorder? Looking Under the Hood of a Multistage Screening Process in Early Intervention. *Journal of Autism and Developmental Disorders*. 49(6): 2304-2319.
- Shivers, C.M., Sonnier-Netto, L., & Lee, G.K. (2018). Needs and Experiences of Family Caregivers of Individuals with Autism Spectrum Disorders Across the Lifespan. *Journal of Policy and Practice in Intellectual Disabilities*.
- Siti Marziah Zakaria, & Nor Shahirah Mat Tauhaid. (2018). Cabaran Membesarkan Anak-Anak Autisme Daripada Perspektif Ibu (The Challenges of Nurturing Autistic Children from The Mother's Perspective). *Jurnal Psikologi Malaysia*. 32(1):58-71. ISSN-2289-8174.
- Smith, B., & Rous, B. (2011). *Historical perspectives*. In S. Eidelman & C. Groark (Eds.), *Early childhood intervention: Shaping the future for children with special needs and their families*. Santa Barbara, CA: Praeger.
- Walker, D. (2011). *Evidence-based practice in early childhood intervention*. In L. Kaczmarek & C. Groark (Eds.), *Early childhood intervention: Shaping the future for children with special needs and their families*. Santa Barbara, CA: Praeger.
- Zaifudin. (2016). *Peringkat Keprihatinan Dan Tahap Penggunaan Komunikatif Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Inggeris Berasaskan Sekolah*. Universiti Teknologi Malaysia.